

Rakyat bakal ikuti dengan 'rapat'

Perdana Menteri dijangka mengumumkan beberapa perubahan dasar yang penting, lakar strategi umum negara ini untuk mengharungi cabaran masa depan

"... kita harus beri tumpuan melahirkan generasi muda yang serba-serbi berkebolehan dalam pelbagai bidang dan menjadi warga global yang bukan hanya berjaya, malah menjadi anggota masyarakat prihatin."



– Cik Moliah Hashim, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Mendaki.

"Saya rasa penting sekali bagi pelajar bergaul dengan rakan dari pelbagai latar belakang untuk memupuk kesefahaman dan mencegah sikap elitisme."



– Encik Muhammad Firdaus Rahmat, seorang guru.

"Jangkaan rakyat agar pemerintah tangani isu ini (seperti perumahan dan penjagaan kesihatan) adalah munasabah kerana siapa lagi yang akan menjaga keperluan rakyat kalau tidak pemerintah yang dipilih."



– Encik Azmoon Ahmad, Pengerusi AMP.

"Saya juga berharap PM akan membentangkan strategi negara ini untuk mengharungi masa depan kerana ramai rakyat sudah mula lupa akan keterbatasan dan risiko yang masih dihadapi negara ini."



– Encik Zulkifli Baharudin, mantan Anggota Parlimen Dilantik.

► **NUR'ADILAH MAHBOB**
adilaham@sph.com.sg

RAKYAT Singapura akan mengikuti dengan dekat Rapat Hari Kebangsaan Ahad ini, sedang Perdana Menteri dijangka mengumumkan beberapa perubahan dasar yang penting.

Ini lebih-lebih lagi menyusuli sesi rundingan awam besar-besaran Perbincangan Singapura Kita (OSC) yang dilancarkan semasa rapat tahun lepas dan dijalankan sepanjang tahun lalu dan tahun ini.

Pemimpin masyarakat dan orang awam yang dihubungi *Berita Harian* berkata mereka menjangkakan beberapa perubahan terutama sekali dalam dasar perumahan, penjagaan kesihatan dan pendidikan.

Tetapi lebih daripada sekadar perubahan dasar, mereka juga menjangka Per-

dana Menteri, Encik Lee Hsien Loong, melakar strategi umum negara ini untuk mengharungi cabaran masa depan.

Anggota Parlimen (AP) GRC Marine Parade, Profesor Madya Fatimah Lateef, akur banyak perubahan telah diperkenalkan untuk memenuhi keperluan pelbagai warga Singapura dalam perumahan, seperti membenarkan golongan bujang membeli flat baru dua bilik daripada HDB.

"Tetapi isu perumahan masih satu isu yang kerap timbul dalam sesi bertemu penduduk (MPS) dengan pelbagai isu lagi yang masih perlu ditangani, seperti isu rumah sewa sementara menunggu flat baru," ujar Dr Fatimah.

Selain itu, beliau – yang juga anggota Jawatankuasa Parlimen Pemerintah (GPC) bagi kesihatan – berharap saranan yang dikemukakan GPC itu baru-baru ini untuk memperluaskan kegunaan Medisave akan diterima.

Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Yayasan Mendaki, Cik Moliah Hashim, pula berharap pemerintah akan memberi sokongan lebih besar dalam pendidikan prasekolah terutama bagi golongan berpendapatan rendah.

"Kami juga berharap lebih banyak inisiatif lain dapat diterapkan supaya beban tekanan yang berlebihan terhadap pelajar kita dapat dikurangkan.

"Sebaliknya, kita harus beri tumpuan melahirkan generasi muda yang serba-serbi berkebolehan dalam pelbagai bidang dan menjadi warga global yang bukan hanya berjaya, malah menjadi anggota masyarakat prihatin," kata Cik Moliah.

Seorang guru, Encik Muhammad Firdaus Rahmat, 26 tahun, pula ingin melihat lebih banyak komitmen daripada pemerintah menjadikan setiap sekolah sebagai sekolah yang baik.

"Saya rasa penting sekali bagi pelajar bergaul dengan rakan dari pelbagai latar belakang untuk memupuk kesefahaman dan mencegah sikap elitisme," ujar Encik Firdaus.

Apa yang pasti, jangkaan rakyat terhadap perubahan adalah tinggi, lebih-lebih lagi menyusuli OSC kerana isu seperti perumahan dan penjagaan kesihatan hangat dibincangkan sejak pilihan raya umum lalu, kata Pengerusi Angkatan Karyawan Islam (AMP), Encik Azmoon Ahmad.

"Jangkaan rakyat agar pemerintah tangani isu ini adalah munasabah kerana siapa lagi yang akan menjaga keperluan rakyat kalau tidak pemerintah yang dipilih," kata Encik Azmoon.

Pengamat politik dan mantan Anggota Parlimen Dilantik (NMP), Encik Zulkifli Baharudin, pula berkata:

"Lebih daripada setakat perubahan dasar hasil daripada perbincangan OSC, saya fikir PM akan menyentuh bagaimana OSC mengubah cara pemerintah berkomunikasi dengan rakyat.

"Saya juga berharap PM akan membentangkan strategi negara ini untuk mengharungi masa depan kerana ramai rakyat sudah mula lupa akan keterbatasan dan risiko yang masih dihadapi negara ini."

Buat pertama kalinya tahun ini, rapat akan diadakan di Institut Pendidikan Teknikal (ITE) College Central di Ang Mo Kio, setelah lebih 10 tahun berlangsung di Pusat Budaya Universiti di Universiti Nasional Singapura (NUS).

Rapat itu akan disiarkan secara langsung melalui televisyen dan radio setempat, serta webcast di laman web PMO di www.pmo.gov.sg dan laman web unit maklum balas pemerintah, Reach, di www.reach.gov.sg/ndrsg.